

# Wacana sastera Melayu

**Wacana** Benarkah Sastera Melayu Tiada Nilai? akan diadakan di Pejabat Pelajaran Daerah Kluang, Johor, pada 22 Januari, jam 9 pagi, manakala Dialog Budaya: Budaya 'Belacan' dalam Masyarakat, turut berlangsung di tempat dan tarikh yang sama, tetapi pada jam 2.30 petang.

Panel pada wacana ialah Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Lim Swee Tin dan penulis, Omar Mamat, manakala dialog pula panelnya ialah Pensyarah Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM), Dr Md Akbal Abdullah dan Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Muzammil Abdul Rahman.

Acara anjuran Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Persatuan Penulis Johor (PPJ) dan Pejabat Pelajaran Daerah Kluang, manakala maklumat lanjut hubungi Ketua Satu PPJ, Amiruddin Md Ali Hanafiah di talian 017-8843965 atau Editor Dewan Budaya, Abdul Ghani Abu (019-2076970).